



Ahli Kumpulan **DRB-HICOM**

21 Januari 2026

Untuk Siaran Segera

Kenyataan Media

PUSPAKOM LAKSANAKAN PROTOKOL PEMERIKSAAN BREK JPJ BAGI MENINGKATKAN KESELAMATAN KENDERAAN BERAT

- Protokol dipertingkat menangani tetapan brek tidak selamat dan melindungi pengguna jalan raya

SHAH ALAM, Rabu, 21 Januari 2026 – PUSPAKOM Sdn Bhd (“PUSPAKOM”) hari ini mengumumkan pelaksanaan protokol pemeriksaan brek yang dipinda bagi **kenderaan berat**, berkuat kuasa mulai **12 Januari**. Protokol berkenaan diperkenalkan susulan arahan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di bawah Kementerian Pengangkutan, bertujuan memperkukuh keselamatan jalan raya dengan menangani tetapan brek yang tidak selamat.

Di bawah protokol tersebut, kenderaan berat akan gagal pemeriksaan sekiranya tetapan brek didapati terlalu ketat atau terlalu longgar. Keadaan ini boleh meningkatkan risiko kehilangan kawalan, memanjangkan jarak pemberhentian serta menyebabkan kemalangan jalan raya serius yang melibatkan pengguna jalan raya lain.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman, menegaskan bahawa keperluan berkenaan merupakan sebahagian daripada piawaian penguatkuasaan terkini JPJ, yang diwajibkan untuk dilaksanakan oleh PUSPAKOM sebagai syarikat pemeriksaan kenderaan utama negara.

“Prestasi brek merupakan antara elemen keselamatan paling kritikal bagi kenderaan berat. Tetapan brek yang terlalu ketat atau terlalu longgar boleh menjejaskan keupayaan pemandu mengawal kenderaan, terutamanya ketika membrek secara kecemasan atau semasa melalui laluan menurun,” katanya.

Menangani amalan brek tidak selamat

Mahmood menjelaskan bahawa antara aspek utama yang dinilai di bawah protokol dipinda itu ialah **daya seretan**. Daya seretan merujuk kepada rintangan dalam sistem brek yang berlaku walaupun sebelum pedal brek ditekan.

Daya seretan yang berlebihan menunjukkan brek mungkin telah separa terlibat. Keadaan ini boleh meningkatkan pengumpulan haba dan mengurangkan kecekapan brek dari semasa ke semasa.

Beliau mengakui bahawa majoriti pemilik dan pengendali kenderaan mematuhi piawaian keselamatan. Namun demikian, terdapat segelintir pihak yang membuat pelarasan sementara pada tetapan brek bagi melepasi pemeriksaan sebelum mengembalikannya semula atas alasan kemudahan operasi.

“Amalan ini bukan sahaja meletakkan pemandu dalam keadaan berisiko, malah turut membahayakan pengguna jalan raya lain,” tambahnya.

Protokol dipinda ini menangani isu berkenaan dengan memastikan sistem brek dinilai berdasarkan **parameter operasi yang selamat**, dan bukan berdasarkan pelarasan jangka pendek yang dibuat semata-mata untuk tujuan pemeriksaan. Pendekatan ini membantu mengelakkan kenderaan yang tidak selamat daripada kembali ke jalan raya dalam keadaan yang boleh mengancam nyawa.

Melindungi pengendali patuh dan kepentingan awam

Menurut Mahmood, pendekatan pemeriksaan yang dipertingkatkan itu direka untuk:

- Menghalang amalan tidak selamat serta pelarasan brek yang tidak wajar
- Melindungi pengendali yang patuh daripada persaingan tidak adil
- Mengurangkan risiko kemalangan jalan raya melibatkan kenderaan berat

“Keselamatan jalan raya merupakan tanggungjawab bersama. Walaupun PUSPAKOM menjalankan pemeriksaan, tahap keselamatan sesebuah kenderaan pada asasnya bergantung kepada penyelenggaraan yang bertanggungjawab oleh pemilik, pengendali, bengkel dan pemandu,” katanya.



Ahli Kumpulan **DRB-HICOM**

Beliau turut menggesa pemilik dan pengendali kenderaan supaya menggunakan bengkel bertauliah bagi memastikan sistem brek dilaras dan disenggara dengan betul sebelum kenderaan dibawa untuk pemeriksaan, selaras dengan keperluan peraturan.

“Kami kekal komited menyokong usaha JPJ dalam meningkatkan tahap keselamatan jalan raya, di samping terus berinteraksi dengan pihak industri bagi memastikan kejelasan berhubung piawaian dan prosedur pemeriksaan.”

Beliau menambah bahawa semakin berkala terhadap protokol pemeriksaan adalah perlu bagi memastikan piawaian keselamatan kekal berkesan seiring kemajuan teknologi kenderaan serta perubahan dasar jalan raya dan pengangkutan.

“Kami menyeru semua pemilik dan pengendali kenderaan agar melihat pemeriksaan sebagai langkah perlindungan keselamatan, bukan sebagai halangan, kerana keadaan setiap kenderaan berat di jalan raya memberi kesan langsung kepada keselamatan semua pihak di sekelilingnya,” katanya.

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Siti Khairuddin
Ketua Komunikasi Pemasaran &
Pembangunan Perniagaan
PUSPAKOM Sdn Bhd
Tel: 03 - 2052 7769 H/P: 012 - 382 8550

Nik Haizan Nik Zambri
Pengurus, Komunikasi Pemasaran &
Pembangunan Perniagaan
PUSPAKOM Sdn Bhd
Tel: 03 - 2052 7547 H/P: 012 - 262 0114

MENGENAI PUSPAKOM

Selepas 30 tahun konsesi, dan dengan liberalisasi industri, PUSPAKOM kini merupakan pemegang lesen pemeriksaan kenderaan pertama Malaysia.

Peranan utama kami adalah melakukan pemeriksaan kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan memastikan kenderaan mereka berada dalam kondisi yang selamat digunakan dan mematuhi peraturan alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini dicapai melalui pemeriksaan yang teliti dan menyeluruh untuk memastikan pematuhan kepada peraturan keselamatan kerajaan.



Ahli Kumpulan **DRB-HICOM**

*Kami mempunyai rangkaian **53 pusat pemeriksaan** di seluruh negara yang dilengkapi dengan peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi. Selain itu, kami mempunyai **30 tapak lawatan** yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan kawasan terpencil.*

*Kami turut menawarkan **Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak** bagi kemudahan pelanggan yang tidak dapat hadir ke cawangan. Perkhidmatan ini melibatkan:*

- **Trak Bergerak** – Untuk syarikat yang mempunyai banyak kenderaan seperti pengendali kenderaan perdagangan, syarikat penghantaran, sekolah memandu, dan pengedar. Antara pemeriksaan yang ditawarkan termasuk **Pemeriksaan Awalan, Berkala, dan Sewa Beli (B7)**.
- **Van Bergerak** – Untuk pemilik kenderaan persendirian bagi urusan seperti **pertukaran hak milik, pembaharuan cukai jalan, dan pendaftaran kenderaan import**.

*Pelanggan boleh membuat tempahan Perkhidmatan Bergerak melalui www.GiCheck.my, manakala tempahan secara pukal boleh dibuat dengan menghubungi **marketing@puspakom.com.my**.*

*Dengan **10 Trak Bergerak, 36 Van Bergerak dan 4 Unit Ringan**, kami komited untuk memberikan perkhidmatan pemeriksaan yang pantas, cekap dan profesional – terus ke lokasi pelanggan.*